

30 JAN 2000

Thai-pelajar

KUMPULAN PERTAMA PELAJAR THAI TAMAT KURSUS GIAT MARA

RANTAU PANJANG, 30 Jan (Bernama) -- Seramai 45 pelajar Thailand, terdiri daripada kumpulan pertama yang mengikuti latihan kemahiran di Pusat Giat Mara di Kelantan, pulang ke negara mereka hari ini selepas menamatkan latihan enam bulan di negara ini.

Mereka terdiri daripada 17 orang pelatih di Pusat Giat Mara Tumpat dan 28 di Pusat Giat Mara Jeli.

Timbalan Ketua Eksekutif Giat Mara, Mejar (B) Abdul Aziz Ibrahim berkata kumpulan itu yang terdiri 54 orang belia dari negara itu telah diambil untuk mengikuti latihan dalam pelbagai bidang kemahiran di negara ini tahun lepas.

"Mereka merupakan kumpulan pertama yang dibawa masuk pada Ogos tahun lepas melalui program kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Thailand yang dipersetujui bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Thailand Chuan Lekpai," katanya ketika ditemui selepas majlis penyerahan Lepasan Pelatih Giatmara Rakyat Thailand di sempadan Malaysia/Thailand, di sini.

Majlis penyerahan itu dilakukan Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan, Datuk Azman Abdul Rashid dan Timbalan Gabenor Narathiwat, Prai Bualuang di Komplek Imigresen Rantau Panjang.

Abdul Aziz berkata baki sembilan belia negara itu sedang mengikuti latihan di Institusi Kemahiran Mara Besut dan dijangka menamatkan pengajian mereka pertengahan tahun ini.

Katanya pusat Giat Mara akan menerima lebih ramai pelatih dari negara jiran untuk mengikuti latihan dalam pelbagai bidang kemahiran di negara ini mulai Mac ini.

Mereka diberi tempat tinggal dan biasiswa bulanan sebanyak RM300 seorang, katanya.

Beliau berkata antara kursus yang diikuti pelatih terbabit ialah kaji sawat motor, pendawaian elektrik, mengetuk dan mengecat kereta, jahitan dan perabut.

Beliau berkata pengambilan kumpulan kedua Mac ini membabitkan seramai 100 orang diikuti kumpulan ketiga pada pertengahan tahun ini juga seramai 100 orang belia.

-- BERNAMA

MNR zb